# KERAJAAN NEGERI KELANTAN

## PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN, KELANTAN BIL. 1 TAHUN 1985

### KADAR PREMIUM DAN CUKAI TANAH BAGI TANAH YANG DIBERIMILIK KEPADA KERAJAAN PERSEKUTUAN

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memberitahu semua Pemungut Hasil Tanah bahawa MMK yang bersidang pada 2.6.84 setelah menimbang Kertas Bil. 8/360/84(4) telah membuat keputusan menetapkan Kadar Premium dan Cukai Tanah bagi tanah yang diberimilik kepada Kerajaan Persekutuan bagaimana di bawah ini. Semasa menimbang kertas tersebut MMK telah mengambil maklum tentang keputusan yang dibuat oleh Majlis Tanah Negara pada 30.1.84 mengenai perkara yang sama.

2. Kadar Premium dan Cukai adalah bagaimana di bawah ini:

| TUJUAN | PREMIUM | HASIL |
|---|---|---|
| (A) Untuk faedah kepada Negeri (Hospital, Klinik, Despensari dan Sebagainya). | | |
| 1. Tanah Desa | | |
| a) Dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan. | Nominal | ¼ daripada kadar terjadual dalam Peraturan Tanah. |
| b) Luar Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan. | Nominal | Nominal. |
| 2. Tanah Bandar | Nominal | ¼ kadar terjadual dalam Peraturan Tanah. |

| TUJUAN | PREMIUM | HASIL |
|---|---|---|
| 3. Tanah Bandar | Nominal | ¼ kadar terjadual dalam Peraturan Tanah. |
| B) Untuk faedah bersama ( Polis, Pertahanan, Kuarters untuk Pegawai-Pegawai Persekutuan. | | |
| 1. Tanah Desa | | |
| a) Dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan. | ¼ harga pasaran | ¼ kadar terjadual dalam Peraturan Tanah. |
| b) Luas kawasan Pihak Berkuasa Tempatan | - do - | Nominal |
| 2. Tanah Bandar | ¼ harga pasaran | ¼ daripada kadar terjadual dalam Peraturan Tanah. |
| 3. Tanah Pekan | -do- | -do- |

| TUJUAN | PREMIUM | HASIL |
|---|---|---|
| C) Untuk Perdagangan ( Pos, Telekom dan Penyiaran ). | | |
| 1. Tanah Desa | | |
| a) Dalam Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan | Harga Pasaran | ¼ daripada kadar terjadual dalam Peraturan Tanah. |
| b) Luar Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan | -do- | Nominal |
| 2. Tanah Bandar | Harga Pasaran | ¼ daripada kadar terjadual dalam Peraturan Tanah. |
| 3. Tanah Pekan | -do- | -do- |

3. Pekeliling dan Arahan PTG. Kelantan yang berikut adalah dengan ini di batalkan.

a) Pekeliling PTG. Kelantan Bil. 7/60
b) Pekeliling PTG. Kelantan Bil. 6/63
c) Pekeliling PTG. Kelantan Bil. 2/76
d) Arahan PTG. Kelantan Bil. 8/76
e) Pekeliling PTG. Kelantan Bil. 14/76

**t.t**
**(Hj. Ismail Hassan)**
PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
KELANTAN.

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN**
**KELANTAN**

**KOTA BHARU:** **16hb JANUARI 1985**

**KEPADA:**

Semua Pemungut Hasil Tanah Kelantan

**SALINAN KEPADA :**

YB. Dato' Setiausaha Kerajaan Kelantan

YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan

Ketua Pengarah Tanah dan Galian, Persekutuan

Semua Pegawai-Pegawai Jajahan, Kelantan

Juru Odit Negeri Kelantan

Pegawai Tadbir Kelantan

Ketua Rancangan Penyelesaian Tanah Kelantan

P.T.G KN: 8559/2/(44)

**LAMPIRAN A**

## PENJENISAN KEGUNAAN BAGI TANAH YANG DIBERI MILIK KEPADA KERAJAAN PUSAT

### 1. KEGUNAAN YANG MEMBERI FAEDAH SECARA LANGSUNG KEPADA NEGERI

1.1 Kementerian Pelajaran

a) Sekolah atau Maktab

b) Asrama

c) Rumah-rumah guru

d) Padang Permainan

e) Jalan Masuk ke Sekolah

f) Sekolah Rendah

g) Sekolah Menengah dan Maktab bertaraf sekolah (seperti Maktab Melayu Kuala Kangsar)

h) Pejabat Pelajaran Negeri

i) Pejabat Pelajaran Daerah

j) Pusat Sumber Pelajaran

1.2 Kementerian Kesihatan

a) Semua Jenis Hospital

b) Semua Jenis Klinik dan Pusat Kesihatan

c) Gedung-gedung Ubat

d) Rumah-rumah Pegawai dan Kakitangan Perubatan (Quarters)

e) Asrama-asrama.

f) Semua Jenis Pejabat Kesihatan

1.3 <u>Kementerian Pertanian</u>

| | | | |
|---|---|---|---|
| a) | Akuarium | n) | Pejabat Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu dan Rumah Kakitangan. |
| b) | Pelabuhan Perikanan | o) | Pejabat-pejabat Parit dan Taliair (Persekutuan) iaitu yang menjalankan kerja-kerja Parit dan Taliair Persekutuan. |
| c) | Rumah Persinggahan Nelayan | p) | Pusat Kecil Perkembangan Pertanian |
| d) | Bangunan Koperasi Nelayan | q) | Pusat Kecil Kemajuan Peladang |
| e) | Pusat Kemajuan Masyarakat | r) | Pusat Kemajuan Peladang |

| <u>Senarai asal KKTKW</u> | | <u>Cadangan-cadangan tambahan oleh Kementerian</u> | |
|---|---|---|---|
| f) | Pusat Karantina | s) | Parit dan Taliair, termasuk pintu kawalan air |
| g) | Pejabat Perikanan | t) | Pusat-pusat Latihan |
| h) | Kilang memproses barang-barang haiwan | u) | Pusat Sedia Benih |
| i) | Rumah Kelasi Perikanan | v) | Unit Pertanian Kecil (Small Agricultural Unit) |
| j) | Tapak Pembiakan Ikan | | |

k) Rumah atau Pusat Persembelihan

l) Pusat Perkembangan Pertanian

1.4 Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan

Pusat Perbagaiguna

a) Tapian Gelanggang Negeri

b) Perpustakaan

1.5 Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat

Jabatan Buruh dan Tenaga Rakyat

a) Jabatan Pertubuhan Keselamatan Sosial

b) Jabatan Kilang dan Jentera

c) Jabatan Perhubungan Perusahaan

d) Jabatan Pendaftaran Persatuan Sekerja

e) Mahkamah Perusahaan

f) Projek CIAST

g) Rumah Orang Tua India Selatan

1.6 Jabatan Perdana Menteri

a) Biro Bantuan Guaman

b) Jabatan Pemegang Amanah Rakyat

1.7 Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

a) Balai Bomba

b) Perpustakaan (Telah dipindahkan di bawah bidang kuasa Kem. Kebudayaan Belia dan Sukan

c) Jabatan Perumahan Negara

1.8 Kementerian Kebajikan
Masyarakat

a) Pejabat Kebajikan

b) Rumah Orang Tua

c) Pejabat Kebajikan Masyarakat Negeri/Daerah

## 2. KEGUNAAN YANG MEMBERI FAEDAH BERSAMA KEPADA NEGERI DAN PERSEKUTUAN

2.1 Kementerian Dalam Negeri

a) Khemah Polis Hutan

b) Unit Pencegah Penyeludupan

c) Pejabat Imigresen dan Rumah Pegawai

d) Balai Polis

e) Pondok Polis

f) Unit Kawalan Kawasan

o) Pusat Latihan RELA

p) Pondok RELA

q) Pusat Latihan Pertanian Awam

r) Tempat Tahanan Perlindungan

s) Pusat Latihan Pegawai Penjara

t) Sekolah Henry

Gurney

g) Maktab Polis

h) Tapak Rumah Kediaman

i) Pengkalan Marin

j) Rumah Kakitangan Polis Laut

k) Lapangan Sasar Polis

l) Penjara

m) Pusat Tahanan

n) Asrama Jabatan Orang Asli

u) Maktab Latihan Pegawai Penjara

w) Pusat Pemulihan Akhlak

x) Rumah Kakitangan

y) Pusat Tahanan dan Pemulihan Dadah (Penjara)

z) Jabatan Percetakan Negara

2.2 <u>Kementerian Pertahanan</u>

a) Kem Tentera

b) Depo Logistik

c) Depo Menyimpan Peluru

d) Tapak Hlipad

e) Lapangan Terbang

f) Stesen Radar

g) Depo Baikpulih Kapalterbang

h) Kem Sebatang Kara (Comando)

j) Kawasan Latihan Tentera

k) Tapak Rumah Kediaman Tentera

l) Pangkalan Tentera Laut DiRaja Malaysia

m) Maktab Tentera/ Pusat Latihan

i) Lapangan Sasar

## 2.3 Kementerian Pertanian

a) Institut Latihan

b) Taman Latihan Wanita

c) Institut Pertanian

d) Pusat Latihan Pengurusan Air Kota Bharu

e) Worksyop Jabatan Parit dan Taliair

f) Rumah Pegawai dan Kakitangan Pertubuhan Peladang

g) Tapak Rumah Pam

h) Rumah Pegawai KADA

i) Struktur Binaan Pengairan Kecil

## 2.4 Kementerian Kewangan

a) Pejabat Odit

b) Pejabat Kastam

c) Rumah Pegawai dan Kakitangan (Kastam)

d) Pejabat Penilaian

## 2.5 Kementerian Penerangan

a) Pejabat Penerangan

b) Filem Negara

2.6 Kementerian Kemajuan Tanah
dan Kemajuan Wilayah

Jabatan Ukur

2.7 Kementerian Kerjaraya

Jabatan Kerjaraya

2.8 Kementerian Buruh dan
Tenaga Rakyat

a) Pusat Latihan Perusahaan

b) Jabatan Kilang dan Jentera

c) Pertubuhan Keselamatan Sosial

d) Pejabat Pendaftaran Kesatuan Sekerja

2.9 Jabatan Perdana Menteri

a) Tapak Institut Pentadbiran Awam Negara

b) Rumah Majistret

c) Jabatan Pemegang Harta

d) Pejabat Badan Pencegah Rasuah

e) Jabatan Perangkaan

2.10 Kementerian Perumahan dan
Kerajaan Tempatan

a) Jabatan Perumahan Negara

e) Jabatan Perkhidmatan Bomba

b) Jabatan Percetakan Negara

c) Pusat Latihan Bomba

d) Arkib (Telah dipindahkan di bawah bidang kuasa Kem. Kebudayaan Belia dan Sukan)

f) Jabatan Perancang Bandar dan Desa

2.11 Kementerian <u>Perusahaan Utama</u>

a) Jabatan Galian

b) Jabatan Penyiasatan Kajibumi

c) Institut Penyelidikan Perhutanan

d) Pusat Penyelidikan

e) Jabatan Perhutanan

f) Semua Pejabat dan Pusat Penyelidikan

g) Lembaga Penyelidikan dan Kemajuan Getah Malaysia (MRRDB)

h) Institut Penyelidikan Getah Malaysia (RRI)

i) Lembaga Pasaran dan Perlesenan Getah Malaysia (MRELB)

j) Lembaga Perusahaan Nenas Tanah Melayu

k) Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB)

l) Lembaga Tembakau Negara (LTN)

m) Lembaga (Penyelidikan dan Kemajuan) Perusahaan Timah

n) Lembaga Pendaftaran dan Perlesenan Minyak

Kelapa Sawit (PORLA)

o) Institut Penyelidikan Kelapa Sawit Malaysia (PORIM)

2.12 Kementerian Pelajaran

a) Pusat Latihan Guru

b) Maktab Perguruan

c) Institut Latihan Pegawai-Pegawai Kem. Pelajaran (MESTI)

d) Universiti-Universiti

e) Institut Teknologi MARA

f) Kolej Tengku Abdul Rahman (KTAR)

g) Politeknik

h) Kompleks Sukan dan Sekolah Sukan

i) Dewan Bahasa dan Pustaka

j) Stor Pusat

k) Pusat Perkembangan Kurikulum

l) Lembaga Peperiksaan

2.13 Kementerian Kesihatan

Pusat Latihan

2.14 Kementerian Pengangkutan

a) Tapak Directional Beacon

b) Jabatan Laut

c) Bairup Radio

d) Balai Kajicuaca

e) Jabatan Pengangkutan Jalan

f) Jabatan Penerbangan Awam

2.15 Kementerian Kebudayaan <u>Belia dan Sukan</u>

a) Pusat Latihan Belia

b) Pusat Sukan Sukan

c) Stadium

d) Tapak Institut Negara

e) Kompleks Budaya /Pusat Kebudayaan

f) Tapak Akademi Seni

g) Khemah Belia

h) Balai Seni Lukis

i) Muzium

j) Arkib

2.16 Kementerian Sains, <u>Teknologi dan Alam Sekitar</u>

a) Pusat Penyelidikan dan Perusahaan Negara

b) Pusat Teknologi Penyelidikan

c) Pusat Penyelidikan Atom

d) S.I.R.I.M

2.17 <u>Kementerian Kebajikan Masyarakat</u>

a) Rumah Orang Sakit Merana

b) Rumah Perlindungan Wanita

c) Rumah Pemulihan Pengemis

d) Bengkel Orang-Orang Cacat

e) Pusat Pemulihan Dadah

f) Rumah Kanak-Kanak

g) Rumah Orang Tua

h) Sekolah Akhlak

i) Pusat Pemulihan Orang Cacat Anggota

j) Bengkel Terlindung

k) Rumah Tahansentara / Asrama Akhlak

l) Asrama Akhlak

m) Pusat Perlindungan Wanita dan Gadis

2.18 Kementerian Perdagangan <u>Dan Perindustrian</u>

Pusat Daya Pengeluaran Negara

## 3. KEGUNAAN PERDAGANGAN / FAEDAH <u>SECARA LANGSUNG KEPADA PERSEKUTUAN</u>

3.1 Kementerian Tenaga Telekom <u>Dan Pos</u>

a) Ibusawat Telekom

b) Setor Telekom

c) Stesen Mikroware

i) Pejabat Telekom

d) Ibusawat Luarbandar

e) Pejabat Pos

f) Rumah Kakitangan Telekom

g) Rumah Posmen

h) Tapak Satelit

3.2 Kementerian Kewangan

a) Pejabat Kastam

b) Pejabat Hasil Dalam Negeri

c) Rumah Pegawai dan Kakitangan Kastam

d) Pejabat Penilaian

e) Jabatan Akauntan Negara

f) (Pejabat Kastam, Rumah Pegawai dalam senarai yang memberi faedah bersama kepada Negeri dan Persekutuan)

3.3 Kementerian Pengangkutan

a) Jabatan Pengangkutan Jalan

b) Tapak Pelabuhan

c) Keretapi Tanah Melayu

3.4 Kementerian Penerangan

a) Pejabat, Stesen dan Studio Radio Televisyen Malaysia

b) Bernama

3.5 <u>Jabatan Perdana Menteri</u>

Tapak Chalet

Urusetia
Majlis Tanah Negara
Kuala Lumpur.

KKTKW (S) 20/1/35
TARIKH : 23 JANUARI, 1984

**LAMPIRAN ‘C’**

KERTAS BIL:8/360/84(4)

**ULASAN DARIPADA**
**<u>KEMENTERIAN TENAGA, TELEKOM DAN POS</u>**

1. Pihak Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos telah memaklumkan bahawa premium tanah bagi perkhidmatan pos dan telekom tidak sepatutnya dikenakan harga pasaran. Ulasan Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos adalah seperti berikut :-

1.1 Pihak Kementerian ini, setelah mengkaji dengan teliti keputusan Majlis Tanah Negara tersebut di atas ingin mengemukakan pandangan seperti tercatit di bawah ini dengan penuh harapan agar dapat Majlis Tanah Negara memberi pertimbangan wajar terhadap pandangan Kementerian ini dan menimbangkan semula keputusan tersebut :-

1.1.1 <u>Kegunaan Tanah Untuk Pembangunan Pos</u>

1.1.1.1 Keputusan in akan mengakibatkan kenaikan kos bagi setiap projek pos. Pada amnya, jika premium tanah dikenakan harga pasaran, kos tanah sahaja

mungkin akan hampir sama atau melebihi kos bangunan. Memandangkan peruntukan pembangunan pos seringkali tidak mencukupi, projek-projek pos di setiap negeri mungkin terpaksa dikurangkan bilangannya, dan ini pula akan menjejaskan matlamat jangka panjang bagi pembangunan pos. Peruntukan pembangunan pis adalah melalui 'grant' dan setakat ini kos pembangunan tidak diambilkira dalam Perkiraan Pendapatan dan Perbelanjaan Jabatan Pos tetapi secara berasingan.

1.1.1.2 Sungguhpun hasil Jabatan Pos menjadi hasil Persekutuan secara langsung, faedah dari segi perkhidmatan yang diberinya adalah kepada rakyat negeri secara langsung.

1.1.1.3 Jenis-jenis perkhidmatan yang dijalankan oleh Jabatan Pos seperti bayaran bil setempat juga meringankan beban kewangan Kerajaan Negeri dan begitu juga halnya dengan perkhidmatan pos percuma kepada Kerajaan Negeri.

1.1.2 <u>Kegunaan Tanah Untuk Pembangunan Telekom</u>

1.1.2.1 Perkhidmatan telefon ialah keperluan asas. Tidak dapat dinafikan bahawa pembangunan tiap-tiap negeri adalah bergantung kepada keperluan perkhidmatan telekom. Perhubungan melalui telefon adalah penting, baik dari segi perniagaan, urusan-urusan kerajaan dan seterusnya rumah-rumah kediaman. Dengan adanya perkhidmatan telefon, tiap-tiap negeri akan mendapat faedah.

1.1.2.2 Perkhidmatan telefon di luar bandar tiada memberi keuntungan kepada Jabatan malah terpaksa disubsidikan daripada perkhidmatan bandar. Pondok-Pondok telefon di luar bandar yang disambungkan ke Ibusawat Otomatik Luar Bandar memberi kemudahan kepada rakyat tiap-tiap negeri. Di sebaliknya pemberian perkhidmatan telefon di luar bandar tiadalah boleh diharapkan mendatangkan hasil-hasil kepada Jabatan Telekom.

1.1.2.3 Jabatan Telekom diberi pinjaman untuk membiayai projek-projek dengan membayar faedah. Jika cukai dan premium tanah dinaikkan untuk menyediakan kemudahan asas, Jabatan Telekom terpaksa mencari sumber-sumber kewangan seperti menaikkan sewa dan kadar panggilan.

2. Kegunaan tanah untuk pembangunan pos dan telekom walaupun membawa faedah secara langsung kepada Kerajaan Pusat dan juga memberi faedah, keuntungan dan perkhidmatan kepada Kerajaan Negeri seperti mana dinyatakan di atas. Oleh yang demikian, adalah sangat-sangat diharapkan keputusan mengenai kadar premium Tanah akan dapat diberi pertimbangan semula oleh Majlis Tanah Negara".

[BIL.(5)15/342/18 (34)
BERTARIKH 3HB. MAC, 1983]